



400 pelajar UMP sertai Rakan Muda

KUANTAN: Seramai 400 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) terbabit dalam menjayakan program Rakan Muda Wawasan Desa Institusi Pengajian Tinggi bermula Mei ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata program berkenaan akan diadakan di 10 kampung di lima daerah, iaitu Pekan, Lipis, Bera, Rompin dan Cameron Highlands.

Beliau berkata, kampung terbabit ialah Kampung Kuala Medang, Kuala Lipis dari 4 hingga 7 Mei, Felda Chini Timur 3, Pekan dan Kampung Peruas, Hulu Dong di Raub (11-14 Mei), Kampung Datuk Sri Hamzah, Bera dan Kampung Serandu, Pekan (17-20 Mei).

Selain itu, katanya, Kampung Bukit Pampong, Dong di Raub (24-27 Mei), Kampung Raja, Cameron Highlands dan Felda Kampung Lurah Bilut, Bentong (1-4 Jun), Kampung Setajam, Rompin (7-10 Jun) dan Kampung Taman Sedia, Cameron Highlands (26-29 Julai).

"Program anjuran Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi bertujuan mendedahkan pelajar dengan kerja kemasyarakatan dan sukarelawan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program berkenaan di Dewan Kuliah Utama 1, UMP Gambang. Turut hadir Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Pahang, Ounnajmi Muhamed Nasseruddin dan Dekan Jabatan hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Dr Hasan Ahmad.